

Pelaburan langsung asing meningkat suku pertama 2022

Malaysia semakin diyakini

um - 7/6/2022 m/s: 4

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pelaburan langsung asing bersih meningkat kepada RM24.4 bilion pada suku pertama 2022 berbanding RM18.4 bilion pada suku keempat tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah perdagangan luar berkembang sebanyak 23.6 peratus kepada RM624.9 bilion manakala aliran masuk bersih dana asing kekal konsisten dengan jumlah RM7.4 bilion setakat ini.

Kata beliau, kerajaan kini kekal komited untuk melonjakkan prestasi perdagangan dan pelaburan negara termasuk memastikan pelaburan langsung domestik terus dirangsang.

“Bagi mencapai matlamat itu, Kerajaan Tuanku akan terus memastikan urusan para pemain industri dipermudahkan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam dipertingkatkan,” katanya dalam Ucapan Sembah Tahniah bersempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam.

Ismail Sabri berkata, usaha memulihkan ekonomi pasca pandemik semakin berhasil dan berada pada momentum terbaik apabila mencatat pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus pada 2021



ISMAIL Sabri Yaakob mempersembahkan ucapan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam. -JABATAN PENERANGAN

berbanding penguncupan sebanyak 5.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Justeru itu kata Perdana Menteri, pihaknya bertekad memacu ekonomi untuk mencapai pertumbuhan di antara 5.3 peratus sehingga 6.3 peratus sebagaimana yang diunjurkan.

“Pembukaan sempadan juga telah merancakkan usaha pemulihan ekonomi khususnya sektor pelancongan. Dua juta pelancong asing dijangka mengunjungi Malaysia pada tahun ini yang akan menyumbang sebanyak RM8.6 bilion kepada ekonomi negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beberapa langkah jangka sederhana dan panjang diambil bagi melindungi rakyat daripada beban kenaikan harga serta menstabilkan bekalan barang.

Menurutnya, langkah itu adalah susulan daripada pelan jangka pendek sebelum ini kesan perkembangan global terkini yang menjejaskan bekalan makanan hingga berlakunya kenaikan harga bahan makanan.

Katanya, kerajaan sebelum ini mengumumkan lima pelan jangka pendek menghadapi situasi tersebut antaranya membatalkan kelulusan kuota import (AP) barangan makanan, menyekat pengeksportan ayam ke luar negara dan memperkenalkan bantuan kewangan secara terus kepada rakyat terutama golongan B40 mulai 1 Julai ini.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan mengambil pendekatan berhati-hati terhadap perkembangan global terkini khususnya isu bekalan makanan dan kenaikan harga bahan makanan.

“Dunia sedang berdepan dengan pelbagai ancaman antaranya ketidaktentuan global akibat ketegangan geopolitik dan perubahan iklim dunia. Kemelut yang berlaku ini telah memberi dampak kepada dunia dan Malaysia tidak terkecuali menerima tempiasnya,” kata beliau.